BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (G)

1. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Munirah

Syarikat Munirah mengeluarkan 5 000 bungkus rempah sehari untuk dipasarkan.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Munirah

I. Apa yang hendak dikeluarkan
II. Bagaimana hendak dikeluarkan
III. Untuk siapa dikeluarkan
IV. Berapa yang hendak dikeluarkan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

2. Penyataan manakah yang menggambarkan sistem ekonomi pasaran bebas?
   A. Pilihan individu terhad
   B. Wujud sektor swasta dan sektor kerajaan
   C. Harga faktor ditentukan oleh mekanisme harga
   D. Motif sektor swasta adalah untuk memaksimumkan kebajikan

3. Pernyataan manakah yang menerangkan sistem ekonomi campuran?
   I. Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
   II. Hanya individu dan pihak swasta memiliki faktor pengeluaran
   III. Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan
   IV. Harga ditentukan oleh mekanisme harga dan dikawal oleh kerajaan
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

4. Bagaimanakah masalah " apa yang hendak dikeluarkan" diselesaikan dalam sistem ekonomi campuran?
   A. Kerajaan mengehadkan pengeluaran lesen perniagaan kepada pihak swasta
   B. Kerajaan mengawalkan barang dengan cara mengenakan cukai terhadap pihak swasta
   C. Pihak swasta mengeluarkan barang ekonomi manakala kerajaan pula mengeluarkan barang awam
   D. Pihak swasta mengagihkan barang mengikut kuasa beli manakala kerajaan mengagihkan barang untuk semua rakyat

5. Manakah yang berkaitan dengan masalah bagaimana hendak dikeluarkan?
   A. Kerajaan mengenakan cukai
   B. Firma menambahkan pengeluaran barang
   C. Kerajaan memberi subsidi terhadap suatu barang
   D. Firma menggantikan pekerja asing dengan modal

LIVEWORKSHEETS

6. Pasangan manakah yang benar?

	Sistem Ekonomi	Ciri
A	Pasaran Bebas	Harga dikawal oleh kerajaan
B	Campuran	Sumber ekonomi dimiliki sepenuhnya oleh firma
C	Islam	Wujud persaingan antara firma
D	Perancangan Pusat	Pengguna bebas menentukan kehendak

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara L	Negara M
Firma memaksimumkan keuntungan manakala kerajaan memaksimumkan kebajikan	Kepentingan masyarakat melebihi kepentingan diri

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara L	Negara M
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi Islam
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi islam	Sistem ekonomi Campuran
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam

8. Bagaimanakah masalah untuk siapa dikeluarkan diselesaikan?
   A. Jenis barangan dan kuantiti barang
   B. Agihan barang dan kuantiti barang
   C. Agihan pendapatan dan jenis barang
   D. Agihan barang dan agihan pendapatan

9. Maklumat yang berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Mengeluarkan barang dengan cara meminimumkan kos pengeluaran

Apakah masalah tersebut?
   A. Apa yang hendak dikeluarkan
   B. Berapa yang hendak dikeluarkan
   C. Bagaimana hendak dikeluarkan
   D. Untuk siapa dikeluarkan

10. Pernyataan manakah yang menerangkan ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
   A. Untung yang maksimum diutamakan untuk meningkatkan hasil kerajaan
   B. Harga ditentukan oleh kuasa pasaran namun kerajaan mengawal harga jika berlaku penindasan
   C. Kebajikan masyarakat dititikberatkan
   D. Firma bebas membuat pilihan tetapi dikawal oleh kerajaan.

LIVEWORKSHEETS